



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS PENILAIAN
PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN (JKK-MOH)**

PERATURAN 38(B) JKK-MOH

**HANYA DIBUKAKAN BAGI PEMOHON DARIPADA KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN
YANG SEDANG BERKHIDMAT DI KEMENTERIAN / JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN
DIIKLANKAN SAHAJA.**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II
(PHYSIOTHERAPY) (M.15 EB.16)
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 02 SEPTEMBER 2026
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 16 SEPTEMBER 2026
BILANGAN IKLAN: 2026/SEP/01/KKS**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia, Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kesihatan seperti berikut:

ALAMAT : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,
JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN,
JALAN MENTERI BESAR, BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EMEL : recruitment.ahp@moh.gov.bn

NO. TEL : 2383020

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Kesihatan**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian / Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II
(PHYSIOTHERAPY)
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.15 EB.16 (\$3,890 - \$4,535 EB KHAS \$4,655 - \$5,135 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana (*Post-Graduate Master Degree*) dalam bidang *Physiotherapy* atau sebanding dan bersesuaian di peringkat profesional *Post-Graduate Master Degree* yang diperakukan di peringkat antarabangsa dan diiktiraf **DAN** mempunyai pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* tidak kurang dari 3 tahun selepas memperolehi Ijazah Sarjana (*Post-Graduate Master Degree*) yang diiktiraf dan disahkan oleh Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan seperti *Post-Graduate Advisory Training Board* (PGATB), Kementerian Kesihatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

ATAU

- b) Ijazah Sarjana Muda (*Undergraduate Degree*) dalam bidang *Physiotherapy* atau sebanding dan bersesuaian yang diiktiraf **DAN** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Kesihatan Bersekutu dalam tangga gaji M.13-14 EB.15 atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji yang sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya.

ATAU

- c) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana Muda**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Kesihatan Bersekutu atau jawatan sebanding dalam tangga gaji M.11 tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya.



2. Memenuhi salah satu (01) kriteria skop tugas tambahan berikut:

Bil	Kriteria skop tugas tambahan	Keterangan skop tugas tambahan
1	Pengalaman Klinikal / Teknikal Perkembangan Perkhidmatan (<i>Clinical / Technical Practice / Service Development</i>)	• Mempunyai Prestasi Pengalaman klinikal / teknikal yang cemerlang atau; • Memberikan sumbangan ke arah pembangunan dan perkhidmatan bidang pengkhususan diceburi.
2	Penilaian (<i>Evaluation</i>)	• Penambahbaikan dalam <i>Standard Operation Procedures (SOPs), Clinical / Technical Protocol, Project Reports</i> dan <i>Audit Reports</i> atau; • Mempunyai bukti kebolehan di dalam menganalisis pengetahuan asas secara kritikal dan mempraktikkan bukti yang berkualiti tinggi yang relevan dalam mengubah pengamalan klinikal / teknikal atau; • Membuat '<i>paper peer reviews</i>' di dalam risalah atau <i>journal</i> yang diiktiraf.
3	Pendidikan / Mengajar (<i>Teaching</i>)	• Mempunyai rekod penglibatan ke arah pendidikan institusi-institusi pengajian tinggi dalam bidang yang bersesuaian dan berkaitan dengan <i>Allied Health Professional</i> atau; • Menjadi pengajar dalam memberi pendidikan atau terlibat dalam memberi tunjuk ajar sebagai '<i>mentor</i>' dan '<i>supervisor</i>'.
4	Kajian / Penyelidikan (<i>Research</i>)	• Mempunyai rekod dalam Penyelidikan Klinikal / Teknikal (<i>Clinical / Technical Research Study</i>) atau; • Bergiat aktif dalam membuat penyeliaan bagi kajian / penyelidikan (<i>Research Supervision</i>) penuntut di dalam bidang Profesional Kesihatan Bersekutu atau; • Membuat penulisan yang diterima di <i>journal</i> perubatan tempatan atau serantau mahupun antarabangsa



3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan Lembaga-Lembaga Profesional Kesihatan jika diperlukan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian Fisioterapi dan ketua-ketua di mana pegawai ditugaskan;
2. Mengambil peranan dan tanggungjawab sebagai pegawai klinikal dalam bidang Fisioterapi di dalam menjalankan tugas-tugas klinikal bagi kes-kes yang memerlukan rawatan Fisioterapi mengikut *Standard Scope of Practice* yang ada;
3. Membuat preskripsi rawatan yang komprehensif, efektif dan efisien mengikut profesionalisma masing-masing;
4. Mengekalkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan semasa, yang berkaitan dengan Fisioterapi dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practice*);
5. Bertanggungjawab dalam memastikan semua pegawai dan kakitangan Fisioterapi di bawah jagaan, mempraktikkan budaya kerja yang berprofesionalisma mengikut *Standard Scope of Practice* yang ada dan mengamalkan Amalan Berasaskan Bukti (*Evidence-Based Practice*), bersikap proaktif dan siap siaga yang akan menyumbangkan kepada pembaikan kesihatan pesakit dan pengawalan penyakit-penyakit kronik di peringkat negara;
6. Mewakili perkhidmatan Fisioterapi dalam Pasukan Pelbagai Bidang (*Multi-Disciplinary Team*) dan mengintegrasikan rawatan Fisioterapi ke dalam program Pasukan Pelbagai Bidang, termasuk perbincangan dan penglibatan mengenai penjagaan kemajuan dan perancangan discaj pesakit;
7. Bertanggungjawab atas keselamatan dan Amalan Kawalan Jangkitan (*Practice of Infection Control*) terhadap diri sendiri, orang-orang yang terlibat dan persekitaran semasa menjalankan tugas;



8. Menolong Pegawai Kesihatan Bersekutu Gred I yang lebih kanan di dalam menjalankan kajian-kajian klinikal / teknikal serta penyelidikan tertentu di dalam pengurusan permasalahan klinikal yang berkaitan untuk membantu di dalam mempertingkatkan rawatan dan mempiawaian kaedah rawatan;
9. Menyelia dan menjalankan pemantauan terhadap amalan klinikal / teknikal profesional kesihatan bersekutu Pegawai dan Kakitangan di bawah kawalannya serta memberi laporan perkembangannya di peringkat Unit / Jabatan;
10. Membantu menyediakan jadual kerja kakitangan bawahan disamping mengawas dan menyelia kualiti kerja, tata susila dan tindak tanduk kakitangan bawahan dalam menjalankan tugas;
11. Menyediakan dan menghadapkan laporan kepada Ketua Bahagian jika diperlukan;
12. Membantu dalam peruntukan sumber tenaga manusia mengikut keperluan dan perkembangan perkhidmatan merancang;
13. Membantu mengkaji, merancang dan menguatkuasakan dasar-dasar perkhidmatan dan memastikan taraf perkhidmatan yang dihulurkan dan pegawai dan kakitangan di bawah jagaannya dilaksanakan dengan cekap dan lancar;
14. Menyediakan dan menghadapkan laporan prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah kawalannya;
15. Bertanggungjawab mengendalikan dan menjalankan pemantauan, penganalisan, penilaian mana-mana rancangan atau projek dan tugas-tugas lain yang tertentu sebagaimana diarahkan;
16. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik dan klinikal (*Academic and Clinical Educator*) di institusi-institusi dalam negara jika diperlukan; dan
17. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya.